

Jenis Akhbar : Kosmo

Tarikh : 14/05/2019

Edisi / Muka Surat : Nasional / 12

Tajuk : Kumpulan Utusan, ANGKASA raikan anak yatim sempena Ramadan

## Kumpulan Utusan, Angkasa raikan anak yatim sempena Ramadan

**RAI.** Kumpulan Utusan dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meneruskan tradisi meraikan anak yatim dalam Majlis Meraikan Anak-Anak Yatim Kumpulan Utusan 2019 di sini semalam.

Mereka terdiri daripada 17 orang anak kakitangan syarikat Kumpulan Utusan yang telah meninggal dunia serta 13 penghuni Pusat Jagaan Darul Sakinah Angkasa, Petaling Jaya,

Selangor.

Majlis dihadiri Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Utusan, Datuk Ahmad Fauzi Zahari; Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah; Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Zulkifli Hamzah dan Pengarang Kosmo!, Lokman Othman.

Kesemua anak yatim berkenaan menerima sumbangan duit raya

daripada Kumpulan Utusan dan Badan Keluarga Utusan Melayu selain cenderahati daripada Angkasa, Bank Simpanan Nasional, Yakult (M) Sdn. Bhd. dan CCM Pharmaceutical Sdn. Bhd.

**AHMAD Fauzi** (berdiri, lima dari kanan) dan **Abdul Fattah** (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama anak-anak yatim di Dewan Utusan Melayu, Kuala Lumpur semalam.



Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA